

"Asal Terubuk Ikan Puaka; Tempatnya Konon di Laut Melaka" - Transliterasi Manuskrip Melayu Jawi: Inovasi dan Kreativiti Pustakawan

Mahbob Yusof¹ dan Juhaida Abd Rahim²

¹Perpustakaan Universiti Malaya,

50603 Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur, Malaysia

Emel: mahbobyusof@um.edu.my

²Perpustakaan Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur, WP Kuala Lumpur, Malaysia

Emel: juhaida@um.edu.my

ABSTRAK

Perpustakaan Universiti Malaya telah membangunkan Koleksi Manuskrip Melayu sejak tahun 1960an lagi dan kini menguruskan lebih 300 manuskrip dalam pelbagai bidang terutama kesusastraan, kebudayaan, perubatan tradisional dan agama Islam. Sebahagian besar manuskrip Melayu ini telah didigitalkan dan disebarluaskan dalam talian supaya sentiasa boleh diakses dan diguna semula oleh semua orang selaras dengan inisiatif OpenGLAM (*Open Galleries, Libraries, Archives and Museums*) di peringkat global. Bekerja dari rumah (BDR) sepanjang pandemik COVID-19 telah menyerlahkan inovasi dan kreativiti pustakawan yang telah berjaya menerbitkan sebuah laman sesawang Manuskrip Melayu (<https://sites.google.com/um.edu.my/manuskripmelayu/>) dengan pengisian utamanya adalah teks penuh manuskrip yang telah ditransliterasikan. Manuskrip pertama yang ditransliterasikan dalam projek ini adalah Hikayat Penerang Hati yang dikarang pada tahun 1896. Sungguhpun transliterasi oleh pengkaji manuskrip telah banyak diterbitkan, namun ianya terhad kepada manuskrip yang popular. Masih banyak lagi manuskrip yang belum ditransliterasikan dan kini dengan adanya teknologi Web, penerbitannya menjadi lebih pantas, boleh diinovasikan dan ditambah nilai kreatif dengan paparan yang lebih membantu pemahaman dan penelitian teks. Penerbitan secara Web meluaskan sebaran manuskrip Melayu ke peringkat global. Transliterasi kepada tulisan Rumi berupaya meningkatkan bilangan pembaca manuskrip Melayu terutama dalam kalangan khalayak yang tidak arif dengan tulisan Jawi. Peranan pustakawan dalam menjayakan OpenGLAM dan warisan digital perlu dimajukan lagi bukan sahaja dalam aspek pemeliharaan dan pemuliharaan fizikal manuskrip, malah dalam pemahaman mendalam kepada isi kandungannya.

Kata Kunci: Manuskrip Melayu; Transliterasi; Perpustakaan Universiti Malaya; PKP; BDR

PENGENALAN

Selaras dengan keputusan Kerajaan Malaysia melalui Perutusan Khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 16 Mac 2020 mengenai situasi semasa Covid-19 di Malaysia beserta penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 dan diikuti Perintah Kawalan Pergerakan Universiti Malaya yang dikeluarkan oleh Yang Berbahagia Datuk Naib Canselor bertarikh 17 Mac 2020, semua bangunan dan ruang fizikal Perpustakaan Universiti Malaya ditutup sepenuhnya mulai 18 Mac 2020. Sungguhpun begitu, perkhidmatan Perpustakaan seperti rujukan, sirkulasi, pangkalan data dalam talian, pembekalan penerbitan, dan pengajaran literasi maklumat masih diteruskan secara dalam talian.

Bekerja Dari Rumah (BDR) merupakan norma baharu bagi pustakawan Universiti Malaya dan memerlukan sedikit masa untuk menyesuaikan diri tetapi tidak lama. Memandangkan tempoh PKP

yang agak panjang, pustakawan Perpustakaan Universiti Malaya mengambil kesempatan untuk mewujudkan projek atau aktiviti yang boleh dilaksanakan sepanjang BDR terutamanya pustakawan yang bertugas di Perpustakaan Peringatan Za'ba (PPZ).

PPZ adalah salah sebuah perpustakaan cawangan yang menguruskan Koleksi Malaysiana termasuk buku, majalah, penerbitan rasmi kerajaan dan kertas kerja persidangan serta turut berfungsi sebagai pusat pemeliharaan bahan Malaysiana. Selain daripada itu, PPZ juga menguruskan beberapa koleksi warisan negara dan unik termasuk koleksi manuskrip Melayu, koleksi peribadi sumbangan tokoh dan ilmuan Malaysia (seperti Za'ba, Profesor Diraja Ungku Aziz, Dato' Mohd Taib Othman, Mejar Dato' Haji Mohd Said, dan Pintado), koleksi peranakan, koleksi Belanda dan koleksi bahan nadir.

Penutupan akses fizikal kepada bahan sudah tentu merumitkan pelaksanaan tugas rutin pengkatalogan, pengindeksan dan pemuliharaan. Justeru, sebagai persiapan BDR sepanjang PKP ini, percambahan fikiran oleh pustakawan PPZ telah mengilhamkan satu aktiviti menarik dan mencabar iaitu projek transliterasi manuskrip. Projek ini boleh dilaksana secara BDR kerana hampir semua manuskrip telah didigitalkan semasa projek pemuliharaan dan pemeliharaan terdahulu dan terdapat kemahiran serta sumber dalaman untuk membangunkan laman sesawang. Projek transliterasi seperti ini juga julung kali dilaksanakan dan boleh diketengahkan sebagai alternatif dalam mempromosi manuskrip Melayu selaras dengan inisiatif OpenGLAM (*Open Galleries, Libraries, Archives and Museums*) yang diusahakan di peringkat global.

Manuskrip pertama yang telah dipilih untuk permulaan projek transliterasi ini adalah Hikayat Penerang Hati yang ditarung pada tahun 1896 dan disalin semula pada tahun 1956. Manuskrip ini terdiri daripada dua jilid yang mengandungi 200 hikayat dan ditulis menggunakan penulisan khat riq'ah yang dipengaruhi naskhi.

Keberhasilan daripada projek transliterasi ini adalah menyerlahkan inovasi dan kreativiti pustakawan yang telah berjaya menerbitkan sebuah laman sesawang Manuskrip Melayu (<https://sites.google.com/um.edu.my/manuskripmelayu/>) dengan pengisian utamanya adalah teks penuh manuskrip yang telah ditransliterasikan.

Kertas persidangan ini menghuraikan secara ringkas berkenaan Projek Transliterasi Manuskrip Melayu termasuk perancangan dan isu serta cabaran melaksanakannya. Laman sesawang Manuskrip Melayu yang menjadi hos kepada versi Rumi manuskrip ini juga diperkenalkan serta diperjelaskan beberapa fungsi dan kandungannya. Kertas ini juga menghuraikan kreativiti dan inovasi serta komitmen, ketekunan dan ketabahan pustakawan melaksanakan projek ini semasa Bekerja Dari Rumah sepanjang PKP pada tahun 2020.

KOLEKSI MANUSKRIP MELAYU DI PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

Perpustakaan Universiti Malaya telah membangunkan Koleksi Manuskrip Melayu sejak tahun 1960an lagi dan kini menguruskan lebih 300 manuskrip dalam pelbagai bidang terutama kesusastraan, kebudayaan, perubatan tradisional dan agama Islam. Koleksi Manuskrip Melayu ditempatkan di dalam bilik khas yang terkawal di Perpustakaan Peringata Za'ba dengan penjagaan dan pengawasan rapi untuk pemuliharaan dan pemeliharaannya. Perincian manuskrip ini boleh didapatkan di katalog awam PUM di <https://pendeta.um.edu.my/>.

Koleksi manuskrip ini bukanlah sekadar simpanan semata tetapi ianya juga merupakan sumber rujukan untuk pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan. Penyelidik dari SOAS, University of London adalah di antara penyelidik yang pernah merujuk kitab perubatan dan cop mohor kenabian yang

terdapat di dalam koleksi manuskrip ini. Selain daripada itu, koleksi ini turut menjadi tumpuan pelajar di dalam dan luar Universiti Malaya yang mempelajari subjek yang berkaitan dengan manuskrip.

OPENGLAM (OPEN GALLERIES, LIBRARIES, ARCHIVES AND MUSEUMS)

OpenGlam adalah sebuah rangkaian global perkongsian warisan budaya. Pada tahun 2011, Open Knowledge Foundation telah melancarkan prinsip dasar “OpenGLAM Principles” untuk semua institusi kebudayaan melepaskan data warisan masing-masing menjadi data terbuka agar semua orang boleh mengaksesnya secara kolektif. OpenGLAM berperanan sebagai satu platform untuk membantu dan menyelaraskan usaha mengumpul, mempromosi, menghubung dan menyokong akses terbuka kepada initiatif dan projek warisan budaya. Maklumat lanjut mengenai OpenGLAM boleh dirujuk di laman sesawangnya di <https://openglam.org/>.

Justeru, Projek Transliterasi Manuskrip Melayu ini adalah selari dengan prinsip OpenGLAM untuk berkongsi warisan budaya Melayu ke peringkat global bagi membolehkan koleksi manuskrip yang dipunyai oleh Universiti Malaya diakses dan dibaca oleh semua orang.

RINGKASAN MENGENAI PROJEK TRANSLITERASI MANUSKIP MELAYU

Transliterasi berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud penukaran huruf (per-kataan dan sebagainya) daripada abjad sesuatu tulisan (misalnya tulisan Arab) kepada huruf yg selaras bunyinya dan sebagainya dalam abjad sistem tulisan lain (misalnya Rumi). Selain daripada perkataan transliterasi, perkataan Perumian juga membawa maksud yang sama di mana ia merujuk kepada perihal merumikan (tulisan) atau proses mengalih tulisan iaitu tulisan Jawi kepada tulisan Rumi.

Definisi Manuskrip Melayu (Wan Ali Wan Mamat, 1988) merujuk kepada “apa-apa tulisan jawi/rumi berbahasa Melayu yang ditulis dengan tangan di atas bahan-bahan seperti kertas, kulit, daun lontar, buluh, gading, kayu, kain dengan isi kandungan dan jangka waktu yang tidak terbatas”.

Selain transliterasi, transkripsi juga kadang kala digunakan untuk melakukan perubahan terhadap teks asal manuskrip. Transliterasi dan transkripsi adalah dua perkara yang berbeza kerana transkripsi melibatkan gubahan teks daripada satu ejaan ke ejaan lain. Contohnya, manuskrip bertulisan Rumi dengan ejaan lama diubah kepada ejaan terkini. Manakala, transliterasi pula melibatkan penukaran perkataan yang ditulis dalam tulisan Arab atau tulisan Jawi ke tulisan Rumi.

Kepentingan Transliterasi Manuskrip Melayu

Hampir semua manuskrip Melayu ditulis dalam tulisan Jawi. Justeru, projek merumikan manuskrip Jawi ini dilaksanakan untuk membolehkan teksnya diteliti, dikaji dan diselidiki oleh penyelidik yang berminat. Manuskrip versi Rumi ini juga membolehkan khalayak umum membacanya sebagai bacaan ringan. Transliterasi membolehkan pembaca yang tidak boleh membaca tulisan Jawi membacanya dalam huruf Rumi dan mengetahui isi kandungan manuskrip. Dasar transliterasi antaranya adalah mempermudahkan bacaan tanpa mengubah kata tersebut daripada bahasa asalnya.

Transliterasi manuskrip Jawi juga adalah penting kerana semasa proses transliterasi dijalankan, ejaan yang tersalah semasa penulisan manuskrip dapat dibetulkan di samping dapat memberikan kefahaman setelah ianya dirumikkan. Selain daripada itu, sistem ejaan dapat disesuaikan mengikut sistem tulisan Bahasa Malaysia masa kini.

Justeru, transliterasi kepada tulisan Rumi berupaya meningkatkan bilangan pembaca manuskrip Melayu terutama dalam kalangan khalayak yang kurang arif dengan tulisan Jawi. Selain daripada itu, transliterasi ini juga dapat memudahkan pemindahan ilmu kepada generasi masa kini dan akan datang.

Lain-Lain Projek Transliterasi Manuskip Melayu

Hikayat tersohor iaitu Hikayat Hang Tuah adalah salah satu naskhah manuskrip yang dipunyai oleh Perpustakaan Universiti Malaya telah pun ditransliterasikan ke Rumi oleh Kassim Ahmad. Transliterasi ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Beberapa manuskrip Melayu lain yang telah ditransliterasikan adalah:

- Hikayat Hang Tuah yang telah ditransliterasikan dan dibukukan (manuskrip ada di dalam koleksi PUM)
- Hikayat Bayan Budiman / Di-usahakan serta di-beri kata pengantar dan chatatan oleh R.O. Winstedt. Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1966.
- Syair Agung / diselenggarakan oleh Zahir Ahmad. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.
- Hikayat Parang puting / diselenggarakan oleh Jamilah Haji Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.
- Hikayat Ramayana. Kuala Lumpur : Oxford University Press, 1963.

Projek ini menumpukan kepada manuskrip Melayu yang belum pernah ditransliterasikan sebelum ini dan dipilih juga berdasarkan kebolehan untuk membacanya. Terdapat juga manuskrip yang sangat sukar dibaca kerana gaya penulisan dan kerosakan naskhah fizikalnya.

Kempen Hari Jumaat Hari Jawi

Projek ini juga mendukong hasrat kerajaan untuk mengembalikan keagungan tulisan bahasa Melayu sebagaimana yang diberitakan

"Keputusan yang diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri memberi ruang untuk tulisan Jawi diletakkan pada martabatnya yang sah sebagai tulisan bahasa Melayu selama hampir seribu tahun sebelum tulisan Rumi diterima sebagai tulisan rasmi bagi bahasa kebangsaan," katanya dalam kenyataan hari ini." -- Hari Jawi kembalikan keagungan tulisan bahasa Melayu. Berita Harian, Jumaat, 10 Julai 2020.

Laman Web Manuskrip Melayu

Laman sesawang **Manuskrip Melayu** (<https://sites.google.com/um.edu.my/manuskripmelayu/>) adalah sebuah laman khusus untuk mengetengah dan mempromosi Koleksi Manuskrip Melayu bagi tujuan penyelidikan, rujukan akademik dan bacaan umum. Laman ini juga dibangunkan sempena Tahun Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 dan inisiatif membaca Read@Uni oleh universiti awam. Laman ini menjadi salah satu inisiatif global OpenGLAM (Open Galleries, Libraries, Archives and Museums) untuk memperbanyak warisan budaya dalam format digital dalam talian agar boleh diakses dan diguna semula oleh semua orang.

Pembangunan laman sesawang ini tanpa kos kerana menggunakan kemahiran dan sumber dalaman sahaja. Laman ini dibangunkan di atas platform Google Sites yang merupakan salah satu komponen Google Workspace yang telah sedia dilanggan oleh Universiti Malaya. Pemantauan dan laporan akses oleh aplikasi percuma Google Analytics.

Asal terubuk ikan pusa; Tempatnya konon di Laut Melaka

Sjair Ikan Teroeboek

Home Versi Rumi Pameran Maya Senarai Rujukan Aktiviti Pautan

Foto Burung Oriol *Oriolus chinensis*: Ihsan MY

Selamat Hari Raya Aidilfitri

Sumber: Utusan Qiblat (September 1978 dan September 1979) - gambar halut (cover)

Selamat datang ke laman Manuskip Melayu!

Sebuah laman sesawang khusus untuk mengetengahkan dan mempromosi Koleksi Manuskip Melayu di Universiti Malaya bagi tujuan penyelidikan, rujukan akademik dan bacaan umum. Laman ini dibangunkan sempena Tahniah Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 dan Inisiatif membaca Read@Uni oleh universiti awam. Laman ini juga menjalankan salah satu Inisiatif global OpenGLAM (Open Galleries, Libraries, Archives and Museums) untuk memperbaikkan warisan budaya dalam format digital dalam talian agar boleh diakses dan diguna semula oleh semua orang.

Hampir semua manuskip Melayu ditulis dalam tulisan Jawi. Justeru, projek merumilkir manuskip Jawi ini dilaksanakan untuk membolehkan teksnya ditekati, dikaji dan diselidiki oleh penyelidik yang berminat. Manuskip versi Rumi ini juga membolehkan khalayak umum membacanya sebagai bacaan ringan. Manuskip pertama yang dirumilkir adalah *Hikayat Penerang Hati* yang dikarang oleh seorang penulis dari Taiping, Perak

RISALAH LUMPUR 2020
Batu Bata Buku Dunia

Read@Uni
“With Knowledge We Lead”

Syot layar halaman utama Laman Manuskip Melayu

KANDUNGAN LAMAN SESAWANG


Versi rumi hasil transliterasi manuskip adalah kandungan utama laman sesawang ini. Tiga buah manuskip telah lengkap ditransliterasikan setakat ini iaitu:

- Hikayat Penerang Hati.**
2 jilid, 142 mukasurat, 41,392 perkataan
<https://sites.google.com/um.edu.my/manuskripmelayu/versi-rumi/Hikayat-Penerang-Hati-Jilid-1>
- Hikayat Raja Budiman.**
129 mukasurat, 26,874 perkataan
<https://sites.google.com/um.edu.my/manuskripmelayu/versi-rumi/Hikayat-Raja-Budiman-Home>
- Sjair Ikan Teroeboek.**
23 mukasurat, 3,630 perkataan
<https://sites.google.com/um.edu.my/manuskripmelayu/versi-rumi/Sjair-Ikan-Terubok-Home>

Selain transliterasi (**Versi Rumi**) manuskip yang menjadi kandungan utama, lain-lain kaandungan diringkaskan seperti berikut.

Pameran Maya

Pameran maya berkaitan manuskip juga merupakan kandungan yang menarik yang dimuatkan di dalam laman ini. Salah satunya adalah Hiasan Dalam Manuskip Melayu yang bermula pada bulan Jun 2020. Pameran ini mempamerkan mukasurat manuskip yang mengandungi lukisan dan seni kaligrafi Jawi. Kelebihan mempamerkan secara maya ini membolehkannya kekal dalam talian dan boleh ditambah dan dikemaskini dari masa ke semasa.



Syot layar Pameran Maya Hiasan Dalam Manuskrip Melayu


Lain-Lain Kandungan

Lain-lain kandungan termasuklah:

- **Senarai Manuskrip Melayu** yang menyenaraikan lebih 200 judul manuskrip Melayu terpilih dan pautan kepada perinciannya di Katalog Pendeta Perpustakaan UM;
- **Rujukan** yang menyenaraikan Manuskrip Melayu yang telah dibukukan dan penyelidikan yang berkaitan dengannya;
- **Aktiviti** yang memuatkan aktiviti interaktif bersama pengunjung seperti **Uji Kemahiran Jawi Anda** untuk yang berminat untuk mencuba transliterasi beberapa mukaasurat; dan
- **Pautan** yang menyenaraikan beberapa pautan kepada sumber yang berkaitan dengan manuskrip Melayu.

ANALISA AKSES

Berdasarkan rekod akses Google Analytics Julai-2020 hingga April-2021 seperti dalam syot layar di bawah, Laman Manuskrip Melayu menunjukkan peningkatan pengguna dan peningkatan sesi lawatan yang memberansangkan. Sebanyak lebih 6,400 *page views* oleh seramai lebih 1,400 pengguna direkodkan.



Syot layar analistik akses Laman Manuskrip Melayu Julai-2020 hingga April-2021

Kerja dan Kaedah Transliterasi

Bekerja Dari Rumah memberi ruang kepada pustakawan untuk menumpukan lebih perhatian atau kepada proses transliterasi berbanding bekerja di pejabat yang lebih fokus kepada menguruskan hal pentadbiran perpustakaan dan lain-lain rutin. Kerja transliterasi menghasilkan output yang boleh dilihat dan dinilai pencapaianya.

Pustakawan yang terlibat juga ada yang telah mengikuti bengkel asas pembacaan manuskrip yang telah dianjurkan sama ada oleh Perpustakaan Negara Malaysia atau Perpustakaan Universiti Malaya.

Teks penuh transliterasi manuskrip ditaip di dalam aplikasi Google Docs seperti dalam syot layar di bawah. Transliterasi dilakukan mengikut mukasurat manuskrip bagi memudahkan rujukan dan semakan pada masa akan datang.

Sjair Ikan Teroeboek	7/23	Senjatanya patik bukan kepala §§ Bisanya sampai ke dalam tulang Patik pun asal hamba yang hina §§ Hidup pun tidak apakan guna Jikalau tiada sebab kerana §§ Sampailah juga patik ke sana Ikan lepu ²¹ berdatang sembah §§ Tuanku jangan sangat gelabah
2/23		
3/23		
4/23		
5/23		
6/23		
7/23		
8/23		
9/23		
10/23		
11/23		
12/23		
13/23		
14/23		
15/23		
16/23		
17/23		
18/23		
19/23		
20/23		
21/23		

Syot layar teks manuskrip Hikayat Ikan Teroeboek dalam aplikasi Google Docs

Setelah disemak dan diperbaiki, kandungan dokumen Google Docs ini kemudian dipindahkan ke dalam Google Sites yang juga memaparkannya bersebelahan dengan mukasurat manuskrip yang berkaitan.

Kaedah transliterasi ini dipertingkatkan dengan keupayaan aplikasi Web yang meningkatkan kebolehan kolaborasi termasuk perkongsian pengeditan dokumen menggunakan Google Docs atau aplikasi Wiki dalam platform Microsoft Teams. Kaedah ini membolehkan ramai ahli mengedit dokumen dalam sesuatu masa dan dalam masa yang sama berbincang, mengutarakan komen dan berkongsi maklumat. Menggunakan aplikasi Google Meet contohnya membolehkan kaedah seorang membaca dan seorang lagi menaip yang ternyata meningkatkan kepantasan dan ketepatan transliterasi. Kaedah *Voice typing* dan *Speech To Text Conversion* juga boleh digunakan.

Nilai Tambah Kreatif

Dengan adanya teknologi Web, penerbitan secara Web manuskip menjadi lebih pantas, boleh diinovasikan dan boleh ditambah nilai kreatif dengan paparan yang lebih membantu pemahaman dan penelitian teks.

PAPARAN MUKASURAT MANUSKIP

Teks transliterasi dipaparkan bersebelahan dengan mukasurat manuskrip yang berkaitan seperti yang ditunjukkan dalam syot layar di bawah. Paparan bersebelahan ini untuk skrin besar *tablet* dan komputer peribadi sementara dalam skrin kecil telefon bimbit ianya dipaparkan secara berturutan. Paparan ini membolehkan pembaca membaca kedua-dua versi manuskrip iaitu Jawi dan Rumi.

Asal terubuk ikan puaka ; Tempatnya konon di Laut Melaka Sjair Ikan Teroeboek

Home Versi Rumi ▾ Pameran Maya ▾ Senarai

Mukasurat 6/93

singa itu lalu berkatalah tikus itu kepadaanya katanya Hai sahabatku adalah yang tuan hamba dahulu tertawakan perkataan hamba hendak menolong tuan hamba kerana tiada tersangka kepada akal tuan hamba akan hamba boleh membalias budi tuan hamba itu. Sekarang lihatlah seekor tikus telah mengadakan jasa kepada seekor singa. Setelah didengar oleh singa akan tempelak yakni nista tikus itu kemaluan-2anlah ia seraya berterima kasih banyak-2 kepada tikus itu. Demikianlah halnya. Janganlah disangkakan makhluk yang tiada ada upaya itu tiada dapat menolong kita terkadang-2 adalah jua jasanya adanya.

Ceritera 2 Darihal bapa dengan anak-2nya

Sebermula adalah seorang peladang ada mempunyai beberapa orang anak laki-2. Maka hal keadaan anaknya itu sentiasalah berkelahi dan berbantah-2 diantara adik beradiknya dan beberapa kali telah dinasihatkan oleh bapanya tiadalah jua dipakai oleh mereka itu. Setelah tetaplah di hati bapanya itu tiada dapat didamaikan anak-2nya dengan perkataan yang lemah lembut lalu berfikirlah ia hendak menunjukkan bencana kepada mereka itu oleh sebab perselisihan itu dengan beberapa ibaratnya.

Syahadan pada suatu hari disuruhlah oleh bapanya itu akan anak-2nya pergi ke dalam hutan memotong seberkas anak kayu. Setelah sampailah berkas kayu itu kepadaanya lalu disuruhlah anak-2nya itu bergantian-2 mematahkan. Maka dicubalah oleh budak-2 itu dengan seboleh-2nya tetapi tiadalah terpatuhkan kemudian diuraikanlah oleh si peladang itu akan pengikat berkas itu dan diambilnya sebatang-2 diberikannya kepada tangan anak-2nya disuruh patahkan. Maka senanglah sahaja dipatahkan oleh budak-2 itu.

Arkian setelah itu berkatalah ia kepada anak-2nya. Hai anak-2ku jika lau kamu sekalian bersatu hati dan bertolong-2an, seorang dengan adalah kamu sekalian seperti keadaan berkas kayu ini dan tiadalah dapat kamu sekalian dirosakkan oleh seteru kamu dan jika sekiranya kamu sekalian berlain-2an fikiran adalah kamu sekalian seumpama sebatang ranting jua. Maka senanglah sahaja dirosakkan oleh musuh kamu. Setelah didengar oleh anak-2nya itu akan perkataan bapanya sukacitalah mereka itu dan bermufakatlah mereka itu selama-lamanya. Demikianlah halnya mengajar kerbau lembu itu dengan kayu dan

Mukasurat 7/93

mengajar manusia itu dengan ibarat adanya.

Ceritera 3 Darihal serigala dengan anak biri-2

Syot layar paparan Web Hikayat Penerang Hati. Teks penuh transliterasi dipaparkan bersebelahan dengan mukasurat manuskrip yang berkaitan

NOTA DAN RUJUKAN LANJUT

Salah satu nilai tambah adalah memperkayakan teks transliterasi dengan rujukan dan nota berkaitan perkataan yang digunakan dalam manuskrip, terutama perkataan yang sangat jarang digunakan pada masa sekarang. Ini dapat membantu tafsiran dan pemahaman istilah selain memperkayakan pembaca dengan pengetahuan lanjut berkenaan sesuatu perkataan.

Mukasurat 3/23



Setelah sampai ke Tanjung Tuan §§ Siang dan malam igau igauan
 Duduk merawan siang dan malam §§ Terkenang puteri di dalam kolam
 Sekaliannya ikan ada di dalam §§ Bertangkap tangkapan timbul tenggelam
 Adalah kepada suatu hari §§ Terubuk memanggil ikan tenggiri
 Ayu dan jerung malung dan pari §§ Semuanya itu panggil ke mari
 Sekalian ikan datanglah semua §§ Datanglah dengan menteri pengawa
 Berdatang sembah lumba-2 yang tua §§ Terubuk melihat suka tertawa
 Serta datang menyembah rata §§ Muda semayam di atas [kota]
 Lalu bertitah muda yang kuat §§ Sekarang apa bicaranya kita
 Tatkala beta mudik ke hulu §§ Di dalam hati sangatlah pilu
 Terkenangkan puteri junjungan hulu §§ Jikalau tak dapat pastilah malu
 Berdatang sembah segala panglima §§ Tuanku mudik sudahlah lama
 Lalu menyahut muda utama §§ [Dinda] mudik bulan purnama
 Sekarang juga engkau bicara §§ Hatiku gundah tidak terkira
 Jikalau ada tolong saudara §§ Marilah kita pergi bersegera
 Engkau semua tiadakah kasihan §§ Melihat aku yang demikian
 Niatku tidak bersampaian §§ Apalah namanya tuan sekalian

tenggiri [teng.gi.ri] | تنجيري Definisi : sj ikan laut, *Scomberomorus spp.*; jenis-jenisnya: ~ batang sj ikan tenggiri, *Scomberomorus commersonii*; ~ bunga = ~ papan sj ikan tenggiri, *Scomberomorus guttatus*; ~ kikus = ~ musang sj ikan tenggiri, *Scomberomorus lineolatus*. ([Kamus Dewan Edisi Keempat](#))

Ayu or sweetfish, *Plecoglossus altivelis*, is a species of fish. It is the only species in the genus *Plecoglossus* and family *Plecoglossidae*. It is a relative of the smelts and other fish in the order Osmeriformes.
<https://en.wikipedia.org/wiki/Ayu>

Syot layar paparan Web mukasurat 2 Sjair Ikan Teroeboek yang menunjukkan paparan makna dan sinonim perkataan yang juga memautkan terus kepada Kamus Dewan Edisi Keempat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka

KURASI MAKLUMAT

Kurasi maklumat berdasarkan kandungan manuskrip adalah antara nilai tambah yang sangat bermanfaat kepada pembaca. Contohnya dalam Sjair Ikan Teroeboek menyebut lebih 50 nama Melayu pelbagai ikan di lautan dan daratan. Nama ikan ini boleh dikurasikan dengan nama saintifik masing-masing beserta gambar, rujukan dan senarai penyelidikan mengenainya di Malaysia.

Terubuk تروبوق

1. Definisi: 1. sj ikan laut, *Clupea macrura*; 2. sj ikan laut, *Alosa macrura*; 3. = telur ~ telur ikan terubuk (biasanya dikeringkan dan diperdagangkan); ~ padi sj ikan laut, *Clupea sinensis*. (Kamus Dewan Edisi Keempat)



2. Lihat <http://www.marinespecies.org/aphia.php?p=image&tid=126417&pic=3561>

Syot layar dokumen Google Docs yang menunjukkan kurasi maklumat memaparkan gambar, maklumat saintifik dan pautan mengenai ikan terubuk

DEKLAMASI SYAIR

Sebagai salah satu langkah kreatif mempromosikan Laman Manuskrip Melayu ini adalah dengan mendeklamasikan syair yang telah ditransliterasikan dan memuatkannya rakaman videonya ke dalam platform media sosial.

Sempena program Sehari Bersama Pustakawan Universiti Awam pada 22-April 2021 yang lalu (lihat <https://business.facebook.com/Jom-Baca-Bersama-Perpustakaan-Universiti-Awam-105267505027906/>), sebuah video pendek pustakawan UM mendeklamasikan Sjair Ikan Teroeboek telah ditayangkan. Selain mempromosikan koleksi manuskrip, video ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa pustakawan berkebolehan kreatif untuk mendekati khalayak melalui kesenian budaya negara.



Syot layar dua orang pustakawan UM, Puan Siti Mawarni Salim dan Puan Noraslinda Sanusi mendeklamasi **Sjair Ikan Teroeboek** yang telah lengkap ditranslasikan dan dimuatkan dalam Laman Web Manuskrip Melayu



Syot layar video deklamasi Sjair Ikan Teroeboek yang juga menayangkan mukasurat manuskrip dalam Jawi bersama rangkap syair Ruminya

ISU DAN CABARAN

Cabarannya teknikal semasa Bekerja Dari Rumah seperti keupayaan peranti, rangkaian internet dan kemahiran menggunakan aplikasi yang tidak dibincangkan di sini. Transliterasi atau perumian

manuskrip Melayu lama adalah suatu proses yang rumit kerana terdapat kelainan dari segi ejaan di antara bahasa Melayu lama dengan bahasa Melayu moden. Antara kerumitan yang dihadapi semasa menjalankan transliterasi ini adalah seperti berikut:

1. Tulisan Jawi tidak mempunyai baris. Ketiadaan baris ini menyukarkan pustakawan untuk membaca dengan tepat. Pustakawan perlu mengagak bunyi yang bersesuaian bagi perkataan yang dibaca dan merujuk kepada Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka bagi memastikan perkataan tersebut mempunyai makna dan tafsir yang bersesuaian dengan ayat. Gaya tulisan penulis serta jenis tulisan khat yang digunakan juga kerap menyukarkan pembacaan. Contohnya lebih 500 perkataan dalam Hikayat Raja Budiman tidak dapat dirumikan dan digantikan dengan [...] dengan harapan pada suatu masa nanti boleh disemak semula atau ada pakar bidang yang mencadangkan penambahbaikannya.



Syot layar mukasurat 9 Hikayat Raja Budiman yang menunjukkan beberapa perkataan yang tidak dapat dipastikan dan ditandakan dengan [...].

2. Terdapat beberapa perkataan Melayu lama yang agak asing dan kurang digunakan pada masa kini. Oleh yang demikian, rujukan perlu dibuat bagi memastikan padanan ke ejaan Rumi adalah betul. Contoh:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
بوجم سيريه	bujam sirih Maksud: bekas sirih yang dibuat daripada mengkuang dan lain-lain yang dianyam.
ليبغ ليبو	libang-libu Maksud: kacau-bilau (perasaan).
درويس	darwis Maksud: orang yang sengaja hidup miskin utk mendapatkan kesempurnaan jiwa, fakir.

3. Perbezaan ejaan Jawi lama dan baru serta kesalahan ejaan semasa penulisan manuskrip juga menyukarkan proses padanan ke ejaan rumi yang tepat. Contoh:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
بوم	Ejaan <u>Jawi lama</u> bagi perkataan bumi; ejaan <u>Jawi baru</u> bagi perkataan bom.

4. Cara penulisan yang menggabungkan dua perkataan. Contoh:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
يُعَاد	yang ada
يُغَرِّي	yang ramai
أوْرَغِيَّخ	orang yang

5. Sesetengah perkataan Melayu lama menggunakan perkataan bahasa Arab yang mana sekiranya seseorang yang tidak berpengetahuan mungkin tidak dapat meneka perkataan berkenaan. Contoh:

Ejaan Jawi	Padanan Rumi
زَاهِدٌ	zahid Maksud: (orang yang) soleh hidupnya dan tidak dikuasai oleh kemewahan dan keseronokan dunia; zuhud.

Di sebalik cabaran ini, terdapat kelebihan kepada pustakawan yang terlibat di dalam projek transliterasi ini kerana ia merupakan proses pembelajaran dalam mengenali manuskrip Melayu secara praktikal.

Perancangan Seterusnya

Beberapa penambahbaikan telah dirancangkan termasuk yang berikut:

1. Menyediakan dasar dalam menentukan manuskrip yang akan dipilih untuk ditransliterasi;
2. Melibatkan lebih ramai pustakawan yang berkemahiran membaca Jawi;
3. Menganjurkan latihan/bengkel/kursus yang berkaitan transliterasi kepada pustakawan;
4. Mempercepatkan proses transliterasi ini secara *outsource* terutama kepada pelajar yang berkemahiran;
5. Memperkemasan polisi pemilihan manuskrip yang akan ditransliterasi;
6. Membandingkan versi manuskrip yang terdapat PUM dengan manuskrip yang dipunyai oleh individu atau institusi yang lain bagi memastikan agar tiada tambahan atau kesalahan terdapat pada penulisan, huruf atau perkataan. Tambahan dan kesalahan ini boleh kredibiliti manuskrip tersebut kerana mungkin akan kepada interpretasi yang salah.

Banyak inisiatif dan pendekatan kreatif dan inovatif yang boleh diilhamkan daripada Projek ini termasuk perkara berikut:

i. **Penulisan semula manuskrip Melayu dalam huruf Jawi moden**

Penulisan semula manuskrip Melayu dalam huruf Jawi moden menggunakan perisian pemerosesan perkataan terkini juga dirancangkan sebagai inisiatif lanjut selaras dengan seruan

- kerajaan untuk mengembalikan keagungan tulisan tulisan Jawi.
- ii. **Transliterasi Manuskrip perubatan Melayu**
Beberapa manuskrip Perubatan Melayu seperti Manuskrip mengenai perubatan (perbomohan) (Manuscript 253), Kitab Tib (Manuscript 274), Majmu' rasa'il tibbi (Manuscript 204), dan Ubat-ubatan (Manuscript 172) akan ditransliterasikan agar boleh digunakan untuk penyelidikan berkaitan.
- iii. **Manuskrip untuk penceritaan (*storytelling*)**
Selain pendeklamasi syair, cerita pendek dalam Hikayat Penerang Hati telah dirancangkan untuk diketengahkan dalam aktiviti penceritaan (*storytelling*) oleh pustakawan kepada kanak-kanak dan murid sekolah sebagai salah satu inisiatif mendekati masyarakat.
- iv. **Transliterasi secara sumber khalayak (*Crowd sourcing*)**
Bantuan transliterasi sumber khalayak yang arif amat dialu-alukan. Sungguhpun sehingga kini belum ada yang menawarkan diri untuk turut serta menjalankan transliterasi, sumber khalayak ini adalah salah satu strategi yang dimasukkan dalam perancangan awal Projek. Penglibatan terutama bantuan kepakaran oleh khalayak boleh menjamin kesinambungan Projek ini dan terus mendapat tempat di hati masyarakat. Ketika artikel ini ditulis, antaramuka (*interface*) untuk khalayak membantu kerja transliterasi sedang dalam proses penyediaan.
- v. **Transliterasi oleh mesin (*Machine transliteration*)**
Perkembangan teknologi maklumat memungkinkan kerja rumit transliterasi ini dilaksanakan oleh perisian atau aplikasi pintar yang berupaya mengenal pelbagai gaya penulisan huruf Jawi pada masa dahulu. Teknologi ini terbuka untuk penyelidikan lanjut dan dijangka mampu memberi nafas baharu kepada manuskrip Melayu terutama dalam meningkatkan pembacaan dan pemahamannya.

KESIMPULAN

Projek transliterasi Manuskrip Melayu dan Laman Manuskrip Melayu ini secara keseluruhannya berjaya menghasilkan satu output yang amat bermanfaat dan membanggakan. Sungguhpun Projek ini bermula sebagai rutin kerja harian semasa BDR, ianya akan diteruskan dan diperkasakan menjadi projek kekal Perpustakaan sebagai satu sumbangan pustakawan kepada warisan negara. Projek ini yang menggembung tenaga kerja, kepakaran dan infrastruktur dalaman yang ada bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan, secara keseluruhannya tidak melibatkan kos dan boleh dilaksanakan oleh semua institusi yang menguruskan manuskrip.

Pelbagai inspirasi baharu yang terilham daripada Projek ini seperti yang telah dihurai di dalam kertas persidangan ini membolehkannya dimajukan lebih jauh ke hadapan dengan lebih kreatif dan inovatif. Berdasarkan pengalaman Perpustakaan UM melaksanakan dan pencapaianya setakat ini, Projek ini seterusnya dapat membantu merangka inisiatif Manuskrip Melayu peringkat nasional.

Manuskrip bukan hanya untuk dipelihara dan dipulihara naskhah fizikalnya tetapi sangat perlu untuk dibaca dan difahami isi kandungannya. Selain penyelidik yang mengkajinya, khalayak awam juga berminat untuk mengetahui isi kandungannya. Peranan pustakawan dalam menjayakan projek OpenGLAM dan warisan digital negara seperti ini sangat terserlah dan perlu dimajukan lagi untuk manfaat generasi kini dan yang akan datang.

PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pustakawan Pasukan Manuskrip Melayu iaitu Encik Mahbob Yusof, Puan Juhaida Abd Rahim, Cik Ulya Sujak dan Puan Rohaizah Jaafar serta semua staf Perpustakaan Peringatan Za'ba yang bersama komited menjayakan projek ini.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Razak, S. M., Abu Seman, M. S., Wan Mamat, W. A. W. Y. , & Mohammad Noor, N. H. N. "Transliteration Engine for Union Catalogue of Malay Manuscripts in Malaysia: E-Jawi Version 3," 2018 International Conference on Information and Communication Technology for the Muslim World (ICT4M), 2018, pp. 58-63, doi: 10.1109/ICT4M.2018.00020. <https://ieeexplore.ieee.org/document/8567096>
- Atikah Abd Azam & Othman Yatim (2012). Manuskrip lama: Asas keupayaan dan kearifan Melayu tradisi. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 30(1), 29-39.
- Luqman Hakeem Rusdi (2015). Metodologi perumian dan pentahqiqan kitab-kitab klasik, kajian terhadap kitab tasfir Nur al-Ihsan. *Jurnal Pengajian Islam*, 8(2), 165-190.
- Makmur Harun Firman, & Muhammad Yafri Yahya (2016). *ABMS3203 Jawi dan kajian manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Open University Malaysia.
- Nor Edzan Nasir & Mahbob Yusof (2017). *My Manuskrip: Moving Forward*. Kertas kerja persidangan 5th International Conference of Asian Special Libraries (ICoASL2017), Indonesia.
- Norhasnira Ibrahim & Faisal Ahmad Shah (2020). The Islamic influences in Malay manuscripts writing: An overview of some selected manuscripts. *Sains Insani*, 5(1), 57-66. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no1.141>
- OpenGLAM (n.d.). *A global network on sharing cultural heritage*. <https://openglam.org/>
- Tol, R. (2020). The production of the Bugis and Malay manuscripts in the Library of Congress. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 93(137), 11-31, doi: 10.1353/ras.2020.0035
- Wan Ali Wan Mamat (1988). *Pemuliharaan buku dan manuskrip*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahila Mohd Nor, Noorhidawati Abdullah, & Yanti Idaya Aspura Mohd Khalid. (2021). Content extraction of historical Malay manuscripts based on Event Ontology Framework. *Applied Ontology*, 1-27, doi: 10.3233/AO-210247. <https://content.iospress.com/articles/applied-ontology/ao210247>